

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan kami yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

JAWATAN : PEMBANTU AWAM (H I I)

Jabatan : Jabatan Pengurusan Aset & Pembangunan Perniagaan
Kampus : Shah Alam / Bestari Jaya
Status : Lantikan Secara Kontrak (1 Tahun)

RINGKASAN JAWATAN

Jabatan Pengurusan Aset & Pembangunan Perniagaan, Kampus Shah Alam/ Bestari Jaya, Universiti Selangor ingin melantik Pembantu Awam bagi mengisi kekosongan jawatan dan keperluan yang terdapat di jabatan dengan kelayakan akademik dan syarat-syarat seperti berikut :

SYARAT KELAYAKAN:

PEMBANTU AWAM (H I I)

1. Warganegara Malaysia;
 2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh lantikan jawatan;
 3. Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 4. Memiliki Kepujian (sekurang-nya-kurang Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 5. Berupaya menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal didalam dan diluar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan pertukangan, baik pulih perabot, logistik, sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja;
 6. Boleh bekerja di luar waktu pejabat apabila diperlukan;
 7. Sihat tubuh badan; dan
 8. Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia dengan baik.
-

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran *passport* terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :
- i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat (sekiranya ada);
 - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.

- b) Permohonan hendaklah dihantar terus ke alamat berikut :

Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia

Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan
Kampus Bestari Jaya
45600 Bestari Jaya
Selangor

Tel : 03-3280 5068 / 03-3280 5071

- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **26 Julai 2024**.
- e) Lain-lain:
- i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.